



SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN 04/2023

PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN- PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) DAN PERATURAN KEWANGAN (FR) BAGI TAHUN 2023

Dengan hormat sukcita dimaklumkan bahawa Peperiksaan GO dan FR akan diadakan **tiga (3) kali setahun** iaitu setiap empat (4) bulan sekali tertakluk kepada jumlah calon yang akan menduduki sebagaimana yang telah dimaklumkan melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2/2018.

1. PEPERIKSAAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) DAN PERATURAN-PERATURAN KEWANGAN (FR)

1.1 SYARAT KELAYAKAN

1.1.1 Dibukakan kepada pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang mahu menduduki peperiksaan;

1.1.2 Mandatori bagi lapan (8) kategori jawatan dalam Skim Perkhidmatan jawatan-jawatan berikut:

- Pegawai Pentadbir;
- Pegawai Kewangan;
- Pegawai Kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Awam;
- Juruaudit;
- Pegawai Tugas-Tugas Khas;
- Pegawai Kerja;
- Pegawai Perolehan;
- Pegawai Perbekalan.

Rujukan : JPA/1.6/7/1 Pt.9

Tarikh : 18 Jamadilakhir 1444 / 11 Januari 2023

Muka surat 1/4

N



1.2 SYARAT LAIN

1.2.1 PEGAWAI YANG BARU MEMOHON

1.2.1.1 Dimestikan menduduki kedua-dua peperiksaan dalam bulan yang sama.

1.2.2 PEGAWAI YANG TELAH TAMAT TEMPOH MENERIMA INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN

1.2.2.1 Dibolehkan menduduki kedua-dua peperiksaan;

1.2.2.2 Hendaklah menduduki kedua-dua peperiksaan dalam bulan yang sama;

1.2.2.3 Hanya dibenarkan untuk menduduki semula peperiksaan sebanyak dua (2) kali.

1.2.3 PEGAWAI YANG MASIH MENERIMA ELAUN INSENTIF KEWANGAN BERASASKAN SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 11/2012 DAN BERHASRAT UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN LANJUTAN

1.2.3.1 Dibolehkan menduduki kedua-dua kertas peperiksaan;

1.2.3.2 Mendapat Gred A dalam kedua-dua kertas peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun;

1.2.3.3 Hanya dibenarkan untuk menduduki semula peperiksaan sebanyak dua (2) kali.

2. PEPERIKSAAN LANJUTAN GO DAN FR

2.1 Hanya dibenarkan diambil setelah tempoh tiga (3) tahun dari tarikh terakhir menerima insentif kewangan elaun bulanan yang pertama;

2.2 Pegawai-pegawai yang pada masa ini menerima elaun bulanan berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012 dibolehkan menduduki Peperiksaan Lanjutan GO dan FR setelah berjaya meningkatkan pencapaian mereka ke Gred A dalam kedua-dua kertas peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun.





3. JADUAL PEPERIKSAAN

- 3.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah pemohon bagi setiap peperiksaan yang dijalankan. Jadual Peperiksaan adalah seperti berikut:

BULAN	TARIKH PEPERIKSAAN		TARIKH PERMOHONAN	
	GO	FR	DIBUKA	DITUTUP
April	07 April 2023 Jumaat	14 April 2023 Jumaat	20 Februari 2023 Isnin	06 Mac 2023 Isnin
Ogos	04 Ogos 2023 Jumaat	11 Ogos 2023 Jumaat	17 Jun 2023 Sabtu	01 Julai 2023 Sabtu
Disember	01 Disember 2023 Jumaat	08 Disember 2023 Jumaat	17 Oktober 2023 Selasa	31 Oktober 2023 Selasa

** Tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.

4. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan dan pencalonan akan dibuat secara dalam talian (Online) menggunakan Sistem Sumber Manusia (SSM) melalui Department HRD Administrator di Kementerian/Jabatan masing-masing, seperti mana yang dijelaskan dalam memorandum Jabatan ini bertarikh 17 Rabiulawal 1444/13 Oktober 2022 bertajuk "Penggunaan Modul Training and Event Management Sistem Sumber Manusia."
- 4.2 Department HRD Administrator di Kementerian/Jabatan masing-masing akan menerima pemberitahuan melalui front end SSM mengenai permohonan yang telah dihadapkan iaitu sama ada diluluskan atau ditolak. Department HRD Administrator seterusnya akan memaklumkan status permohonan tersebut kepada pemohon di Kementerian/Jabatan masing-masing.



5. HAL – HAL LAIN

- 5.1 Pemohon hendaklah memaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat atau e-mel tunjuk sebab jika tidak dapat hadir untuk menduduki peperiksaan:
 - 5.1.1 Sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh peperiksaan dijalankan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara yang diketahui awal dan tidak dapat dielakkan;
 - 5.1.2 Tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara di luar jangkaan.
- 5.2 Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap pemohon yang TIDAK HADIR / MENARIK DIRI dari menduduki peperiksaan tanpa makluman dan sebarang alasan yang munasabah. Tindakan ini termasuklah menangguhkan pendaftaran semula peperiksaan yang akan datang.

6. KETERANGAN LANJUT

Bagi sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung terus dengan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410
E-mel : exam.hrsu@psd.gov.bn

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

وَاللّٰهُمَّ تَقْبِلْنَا
*"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkkin Pembangunan Negara"
"Mengukuhkan Sosio-Ekonomi Negara, Tanggungjawab Bersama"*

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam